

23 OCT 1998

BELANJAWAN: AKAN SEMARAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN LANGKAWI

LANGKAWI, 23 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid berkata cadangan untuk menjadikan Langkawi sebagai Pusat Membaiki dan Menyenggara Kapal Layar dalam Belanjawan 1999, akan menyemarakkan industri pelancongan di pulau ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan itu di Dewan Rakyat hari ini berkata pusat itu akan diberi pengecualian cukai selama 5 tahun.

Katanya Langkawi menjadi persinggahan pemilik-pemilik kelas atas bot mewah dan kapal layar dan dengan pengwujudan pusat sedemikian ia dijangka menjadi pusat terulung di rantau Asia.

Menurut Sanusi, Langkawi akan mempunyai limbungan untuk membaiki kapal berteknologi tinggi dan dengan adanya pusat itu lebih banyak pemilik kapal yang pernah ke Langkawi sebelum ini pastinya akan kembali ke pulau ini.

Industri pelancongan juga akan bertambah rancak dengan pengecualian cukai terhadap ejen pelancongan yang membawa 1,200 pelancong kerana dengan ini ia akan menjadikan ejen berkenaan lebih gigih dalam usaha membawa pelancong ke Kedah terutama ke Langkawi, katanya kepada pemberita di sini.

-- BERNAMA

NH RON